

MPC harap pemain industri ekonomi digital manfaat #MyMudah

## MPC harap pemain industri ekonomi digital manfaat #MyMudah

**Kuala Lumpur:** Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) berharap pemain industri ekonomi digital dapat memanfaatkan sepenuhnya penubuhan Unit #MyMudah di Dewan Perdagangan Digital Malaysia (MDCC) untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi perniagaan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Abdul Latif Abu Seman berkata, landskap ekonomi negara dan global terus berubah dengan dipengaruhi perkembangan semasa, menyaksikan teknologi digital menjadi antara faktor penting yang memberi kesan kepada perubahan tersebut.

"Teknologi digital turut memberi impak kepada pertumbuhan produktiviti dan daya saing perniagaan.

"Data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan pendapatan dari ekonomi digital merekodkan nilai sejumlah RM801.2 bilion di sepanjang bulan Januari hingga September 2021, dengan peningkatan sebanyak 23.4 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

"Berdasarkan trend kenaikan ini, peraturan perniagaan yang berkaitan dengan ekonomi digital harus diperkemas agar ia menyokong persekitaran dan aktiviti perniagaan yang berkaitan," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan dan MPC ditugaskan untuk menerajui inisiatif Unit #MyMudah yang bertujuan meringankan beban peraturan yang tidak wajar ke atas perniagaan.

Melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi, kerajaan bersetuju dengan cadangan penubuhan Unit #MyMudah di persatuan perniagaan, kementerian, agensi kerajaan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi menambahkan persekitaran perniagaan melalui semakan peraturan agar ia tidak membebankan pemain industri dengan kos pematuhan yang tinggi.